



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (16)
Tarikh : 19 Jun 2019

SIARAN MEDIA

APLIKASI MOBIL i-GADAIAN BANTU JADI PEMAJAK YANG BIJAK

PUTRAJAYA, 19 Jun 2019 – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan aplikasi mobil (*mobile apps*) i-Gadaian pada hari ini. i-Gadaian merupakan aplikasi mobil baharu yang diwujudkan bagi memudahkan orang ramai membuat carian premis pemegang pajak gadai (PPG) yang berlesen dan didaftarkan di bawah KPKT di kawasan Semenanjung Malaysia.

Aplikasi ini juga membolehkan orang awam membuat aduan secara atas talian. Selain itu, ia turut memuatkan pelbagai informasi yang bermanfaat untuk makluman orang awam terutama kepada mereka yang berminat untuk menjalankan transaksi pemajakgadaian seperti jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] yang memberi perlindungan kepada hak seorang pemajak. Orang ramai diseru agar dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi ini selaras dengan *tagline* “Jadilah Pemajak Yang Bijak”.

Pembangunan aplikasi ini merupakan inisiatif Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK), KPKT yang bertanggungjawab mengawal selia industri PPG di seluruh Malaysia. Pihak Kementerian turut bertanggungjawab memantau industri ini melalui aktiviti siasatan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan secara kader di Kementerian ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin selaku Menteri. Di bawah Kementerian ini, terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my